



# قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 26

RABU 29HB JUN, 1983.

رابعو 18 رمضان 1403

PERCUMA

## am memenuhi harapan rakyat: BRUNEI AKAN EGUH DAN KUAT

ERI BEGA-  
tanggungpun  
menjadi se-  
yang baharu  
amarakat an-  
masalah-  
akan diha-  
lah berbeza  
masalah-  
dihadapi  
negara lain.  
lah disab-  
M Paduka

Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Mohamed Bolkiah dipembukaan Persidangan Menteri-Menteri Asean ke-16 yang telah berlangsung di Bangkok baru-baru ini.

Tugas tanggungjawab bagi kerajaan Brunei oleh yang demikian akan sukar tetapi mencabar lebih-le-

bih lagi oleh kerana rakyat di dalam sebuah negara yang baharu sahaja merdeka akan memikirkan dan mementingkan diri mereka dengan harapan-harapan yang kini terdapat dalam dunia maju.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran yang akan ditempo oleh kelak, Brunei amat teguh dan kuat dalam tekadnya ke-

arah memenuhi harapan-harapan rakyat, dengan keyakinannya dalam prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan murni yang terkandung dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

Brunei, jelas Y.T.M memandang penting terhadap pemeliharaan ketenteraman dan keselamatan antarabangsa, perkembangan hubungan-hubungan persahabatan di antara negara-negara berasaskan kepada kedaulatan yang setara, menghormati keutuhan wilayah, tidak campur tangan dalam hal ehwal setempat negara-negara lain dan penyelesaian pertikaian-pertikaian dengan secara aman damai.

Brunei telah tiga kali mengikuti persidangan serupa selaku pemerhati, dan kali pertama penyertaannya ialah dalam tahun 1981 apabila ianya diadakan di Manila.

"Sejak penyertaan kami pertama kalinya sebagai pemerhati di Persidangan Menteri-Menteri ASEAN Yang Ke-14 tahun ter-

Lihat muka 18



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim.

## Lebih 500 anak yatim terima derma

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Putera Sulung kepada Kebawah DYMM telah berkenan menyempurnakan Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-Anak Yatim bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di Bilik Bacaan, Pusat Belia.

Pengerusi Jawatankuasa Tabung Anak-Anak Yatim

Daerah Brunei dan Muara yang baru dilantik, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin dalam ucapan alu-aluannya menyatakan keberangkatan Yang Teramat Mulia ke majlis itu menandakan suatu sukut baik yang melambangkan pemadulian Yang Teramat Mulia itu terhadap anggota masyarakat yang sedikit kurang bernasib baik di samping sebagai bukti keinginan untuk melihat keseluruhan rakyat dan penduduk di negara ini boleh terus hidup aman dan sejahtera.

"Di samping keghairahan kerajaan pada mengadakan bantuan-bantuan tertentu terhadap anggota masyarakat yang sedikit kurang bernasib baik itu, patut juga dibanggakan anggota masyarakat dari kalangan bernasib sedikit

Lihat muka 18



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Mohamed Bolkiah ketika bersabda di pembukaan persidangan tersebut.

## Lapan orang lagi didenda kerana tidak puasa

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Seramai lapan orang lagi telah di hadapkan di Mahkamah Kadi Daerah Brunei-Muara kerana melakukan kesalahan menghisap rokok dan minum di tempat ramai pada waktu siang hari dalam bulan Puasa ini.

Awang Hassem bin Kasan dan Dayang Tuah binte Haji Jumat telah di tangkap kerana merokok di tempat ramai pada 22hb. Jun yang lalu.

Awang Hassem didenda sebanyak \$40.00 dan Dayang Tuah sebanyak \$30.00. Kedua-dua

mereka telah membayar denda tersebut.

Enam orang lagi telah di hadapkan ke Mahkamah yang sama pada 23hb. Jun kerana didapati minum dan menghisap rokok di tempat ramai. Mereka telah didapati bersalah dan didenda sebanyak \$40.00

tiap-tiap seorang.

Keenam orang yang didenda itu ialah Md. Yusof bin Haji Hitam, Ak Sani bin Pg. Haji Duraman, Tuah bin Ali, Osman bin Talip, Nordin bin Abdullah @ Udan Agong dan Mohamad bin Iring.



**Pelita Brunei**  
RUMAH KEMERDEKAAN

29hb. Jun, 1983

*Dengan nama Allah yang  
pemurah dan maha penyayang*

## MERDEKA: PERANAN DAN SUMBANGAN RAKYAT

Sungguhpun pencapaian kemerdekaan bagi negara kita tidak dapat disamakan dengan pengalaman bangsa-bangsa lain dalam mereka mencapai kemerdekaan tetapi hal itu tidak bermakna kita - iaitu rakyat - telah tidak mengambil peranan dan

memberi sumbangan ke atas pencapaian kemerdekaan itu. Kedudukan ini perlu jelas dalam ingatan dan pandangan setiap orang di negara ini dalam ertikata bahawa rakyat adalah berperanan dan telah menyumbangkan sesuatu terhadap kemerdekaan yang akan dicapai itu.

Kita mendapati pencapaian kemerdekaan kita adalah dalam suasana di mana rakyat sentiasa menyertai usaha-usaha Kerajaan dan memberi sokongan yang menyeluruh kepada pimpinan tertinggi negara dan Kerajaan. Dalam suasana itulah negara ini menyaksikan suatu bentuk perjuangan yang senyap bagi menghadapi dan menyelesaikan isu-isu penting dengan jayanya. Tegasnya sikap dan pendirian rakyat yang sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan itu telah memungkinkan wujudnya suasana yang sesuai bagi semua pihak di negara ini meyakini masa hadapan kita semua. Persoalan yang besar mengenai masa hadapan itu ialah kemerdekaan penuh sebagai sebuah negara di tengah negara-negara yang sudah merdeka sama ada jauh mahupun dekat. Dengan adanya suasana yang sesuai itu kita di Brunei bukan sahaja nampak dan meyakini masa depan sebagai sebuah negara yang merdeka bahkan dengan jelas nampak jalan pen-

capaannya secara yang lebih sempurna dan berpatutan dengan kepentingan kita yang sebenar.

Kedudukan pencapaian kemerdekaan kita itu insya-Allah akan perlahan-lahan difahami yang mana pemahaman tersebut akan menimbulkan suatu rasa kagum terhadap kebijaksanaan cara mencapainya. Dalam masa yang sama peranan dan sumbangan rakyat itu adalah juga mengagumkan di mana sekalipun tanpa teriak-teriakan keras dengan slogan kata-kata yang berapi-rapi mereka secara yang berpatutan telah memberi kepercayaan kepada pimpinan tertinggi negara dan Kerajaan. Kepercayaan tersebut dibuktikan dengan pendirian teguh dalam menyertai Kerajaan pada menjayakan rancangan-rancangan pembangunan, memajukan diri dan negara, dan yang lebih penting ialah sikap menghargai kepentingan keamanan serta keselamatan yang berterusan. Jika apa yang dinamakan kesetiaan kepada Raja, Negara dan Kerajaan mahu diukur maka ukuran itu pasti dapat dibuat dengan jelasnya menerusi sikap dan pendirian rakyat yang sedemikian itu.

Kerana itu dalam kita semua tuk merdeka mustahaklah sumbangan ini diteliti. Persepsi bertujuan menyedarkan kita telah berperanan dan menyumbang berpatutan ke atas kemerdekaan itu. Dan sedemikian itu mustahak dalam sebagai sebuah bangsa bukan sahaja peranan dan sumbangan diberikan bahkan ke atas sendiri.

Rasa harga menghargai sumbangan itu sudah barang tentu membangun dalam rangka kemerdekaan itu selaras hubungan ini kita semua bertanggung yang sama bertanggung ditakdirkan Allah s.w.t. Negara dan Kerajaan yang kita dituntut menunaikan kewajipan bagi terus menunaikannya. Setentunya kewajipan itu merupakan suatu berterusan yang mana akan sentiasa dengan penyokong dan memberi pimpinan negara dan Kerajaan.

# BRUNEI BERHASRAT JADI AHLI ASEAN

BERIKUT ialah sabda ucapan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah di majlis Pembukaan Persidangan Menteri-Menteri Asean yang ke-16 di Bangkok pada 24hb. Jun, 1983.

## “Kami tertarik hati kejayaan dan perpaduan yang telah dicapai”

menghormati keutuhan wilayah, tidak campur tangan dalam hal ehwal setempat negara-negara lain dan penyelesaian pertikaian-pertikaian dengan secara aman damai.

Tujuan-tujuan mulia ini adalah dicerminkan dalam Peristiharan Bangkok yang memubuhkan ASEAN, dan boleh didapati dalam kenyataan mengenai matlamat-matlamat dan tujuan-tujuannya, khususnya penganjuran keamanan dan kestabilan serantau dengan mematuhi kehormatan terhadap keadilan dan aturan undang-undang dalam perhubungan-perhubungan di kalangan negara-negara serantau dan kesetiaan kepada prinsip-prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Tujuan-tujuan ini adalah diuraikan dengan panjang lebar lagi dalam cadangan-cadangan ASEAN bagi mewujudkan kawasan aman, bebas dan terkecuali bagi rantau ini.

Sejak penyertaan kami yang pertama kalinya sebagai pemerhati di Persidangan Menteri-Menteri ASEAN Yang ke-14 di Manila dalam tahun 1981, kami telah berpeluang mengikuti perkembangan-perkem-

ASEAN bahkan juga oleh ahli-ahli Bangsa-bangsa Bersatu akan tanggungjawab-tanggungjawab mereka di bawah Piagam tersebut.

Tanpa keamanan dan kestabilan politik maka tidak akan wujud kemajuan ekonomi; dan tanpa kemajuan ekonomi maka kemerdekaan serta kebebasan kita akan terancam. Dalam dunia yang semakin bergantung satu sama lain yang menjadi lebih buruk disebabkan oleh ekonomi dunia yang meleset, keperluan bagi usaha kerjasama tidaklah pernah begitu mendesak. Kami mengambil perhatian dengan penuh minat caranya ASEAN telah sejak penubuhannya dalam tahun 1967 berkembang di dalam bidang kerjasama ekonomi serantau mengatasi kepentingan-kepentingan persendirian dan batasan-batasan negara. Hal ini adalah lebih dari cukup sebagaimana yang terbukti oleh projek-projek perusahaan ASEAN. Ini adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh usaha kerjasama ini dalam memperluaskan bidang-bidang usaha ekonomi dengan mana negara-negara yang menjadi ahli-ahli ASEAN telah dapat meneruskan pertumbuhan ekonomi mereka.

Kami, oleh yang demikian, menganggap ASEAN sebagai sebuah pertumbuhan yang menumpukan tanggungjawabnya kepada pencapaian keamanan, kemajuan dan kemakmuran rantau ini. Ini adalah juga matlamat-matlamat utama Brunei. Brunei mempunyai kedudukan yang dekat dari segi ilmu 'alam, hubungan-hubungan sejarah dan persamaan-persamaan dari segi ekonomi dengan ASEAN.

Kedudukan dekat dari segi ilmu 'alam ini bererti bahawa kami tidak boleh mengasingkan diri dari perkembangan-perkembangan di rantau ini. Sesungguhnya kedekatan kita adalah sedemikian rupa jika sekiranya berlaku sesuatu ancaman terhadap keselamatan ASEAN maka ini adalah juga satu ancaman terhadap Brunei. Demikian juga kemajuan yang

Saya ingin memulakan dengan mengucapkan tahniah kepada tuan atas pemilihan tuan dengan sebulat suara sebagai Pengerusi bagi Persidangan Menteri-menteri ASEAN Yang Ke-16 ini dan juga menyertai diri saya dengan penghormatan yang diberikan oleh Tuan-tuan yang Terutama Menteri-Menteri LUAR ASEAN yang lain terhadap jasa tuan yang unggul selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap dalam tempoh dua belas bulan yang lalu : dan yang amat penting sekali, ialah untuk mengucapkan terima-kasih kepada tuan serta Kerajaan Thailand atas layanan baik serta kehormatan muhibbah yang telah diberikan kepada perwakilan saya kerana kehadiran kami di persidangan ini di ibu kota Bangkok tuan yang indah permai, iaitu tempat lahirnya ASEAN.

Saya berasa gembira juga bagi pihak perwakilan saya untuk menyatakan kesyukuran dan penghargaan saya dengan penuh mesra kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand Mr. Prem Tinsulanonda atas ucapan perasmian beliau yang bersemangat.

Ini ialah Persidangan Menteri-menteri ASEAN yang ketiga yang Brunei hadir sebagai pemerhati, atas undangan Menteri-menteri Luar ASEAN. Bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta rakyat Negara Brunei Darussalam, maka adalah menjadi kewajiban saya untuk menyampaikan sekali lagi kepada Menteri-menteri ASEAN penghargaan kami yang mendalam lagi tulus ikhlas terhadap peluang yang amat tinggi nilainya dan tidak bandingnya ini bagi kami untuk turut serta di Persidangan ini sebagai pemerhati; juga terhadap aluan yang telah mereka berikan dengan penuh mesra dan tulus ikhlas dan kerjasama serta timbang rasa

yang mereka hulurkan kepada kami dalam usaha-usaha giat kami untuk menempera hubungan-hubungan yang erat dengan ASEAN.

Pada 1hb. Januari 1984, insha-Allah, Brunei Darussalam akan mengambil alih semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat; bersedia dan sanggup memikul tanggungjawabnya sebagai ahli yang samasetanding dalam masyarakat negara-negara. Sungguhpun Brunei akan menjadi sebuah negara yang baharu di antara masyarakat antarabangsa, masalah-masalah yang menghadapinya tidaklah berbeza jenisnya dengan masalah-masalah yang dihadapi ahli-ahli lama yang lain. Tugas tanggungjawab bagi kerajaan kami, oleh yang demikian, akan sukar tetapi mencabar lebih-lebih lagi oleh kerana rakyat di dalam sebuah negara yang baharu sahaja merdeka akan memikirkan dan memandangkan diri mereka dengan harapan-harapan yang kini terdapat dalam dunia maju.

Dalam pada menghadapi cabaran-cabaran yang kami akan tempohi kelak, kami amat teguh dan kuat dalam tekad kami ke arah memenuhi bagi rakyat kami harapan-harapan mereka, dengan keyakinan kami dalam prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan murni yang terkandung dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Apa yang paling penting dalam fikiran kami sebagai tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat utama ialah pemeliharaan ketenteraman dan keselamatan antarabangsa, perkembangan hubungan-hubungan persahabatan di antara negara-negara berasaskan kepada kedaulatan yang setara,

dicapai ASEAN ekonomi dan kemajuan kami. Ini perhubungan moden dan sekarang gambar rumah dan perkembangan yang besar dengan kehidupan kami dan terikat dengan yang tidak

Sebagai tau ini, Brunei negara ini jiran dan persahabatan yang baik kepada kita itu, berasaskan suasana yang dalam dan rapat, ingkallah memberi penghormatan dalam Darussalam.

Memang hubungan mesra ini ASEAN sebagai sokongan tiap di ASEAN sebagai keabadian ini dalam membuat dan dengan membuat Menteri-Menteri yang menjaja Kebawah Duli Yang Di-Pertuan Negara Darussalam sungguh menjadi satu penghubung penah di 1hb. Jun Darussalam.

Kami sebagai pemerhati dan bersama-sama capaian dan kemajuan yang

## 57 orang Amil dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru ini telah melantik 57 orang Amil untuk menguruskan zakat fitrah di seluruh negara mengikut arahan yang telah ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei tahun ini.

Majlis Ugama Islam Brunei juga telah menetapkan kadar zakat fitrah tahun ini bagi tiap-tiap seorang penduduk Brunei ialah 3.00 dan \$1.93 3/4. Bagi daerah Temburong, kadar bayaran tersebut akan menurut penilaian yang berasaskan sebanyak 3.00 dan \$1.93 3/4.

Majlis penyampaian tauliah kepada amil-amil tersebut di daerah Brunei dan Muara telah di adakan baru-baru ini di hadapan Jabatan Hal Ehwal Ugama di sini.

Penyampaian tauliah tersebut telah di sempurnakan oleh YDM Pehin Datuk Khatib Awang Haji Ahmad bin Juned, Timbalan Kadi Besar Brunei yang berucap di hadapan Turas hadir di majlis ialah Pg. Haji Tuah, Pg. Haji Mohammad, Pengerusi Baitul-Mal Brunei dan Fitrah dan Pengerusi Haji Suhaili bin Mohd. Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Majlis yang sama juga telah berlangsung di daerah Tutong bertempat di hadapan Hal Ehwal Ugama daerah itu.



Amil-amil di daerah Brunei dan Muara yang menerima tauliah mereka baru-baru ini.

## Pembinaan RBA Plaza akan bermula

BANDAR SERI BEGAWAN — Kerja-kerja pembangunan Plaza Kepunyaan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dijadualkan bermula dalam beberapa hari lagi apabila selesai kerja-kerja penyediaan tapak yang berjalan ketika ini.

Plaza lapan tingkat yang akan menjadi pusat pentadbiran bagi syarikat yang dimiliki bersama oleh kerajaan itu akan berdiri di antara bangunan Hongkong and Shanghai Bank dan Pejabat Bandaran di sini.

Kerja-kerja meroboh bangunan Bahagian Peperiksaan dan Kenaziran Jabatan Pelajaran yang dulunya menduduki tempat tersebut yang telah bermula minggu lalu di jangka memakan masa selama 10 hari dan menurut pihak arkitek yang merembentuk bangunan tersebut kerja sebenarnya akan bermula lima hari selepas itu.

RBA Plaza yang berharga hampir 13 juta ringgit Brunei itu adalah merupakan bangunan terbesar pernah dimiliki

oleh satu-satunya Syarikat Penerbangan Brunei yang telah terbentuk dalam tahun 1975.

Kerja-kerja pembangunan Plaza yang juga dihasratkan bagi menambahkan pendapatan syarikat tersebut sepenuhnya akan dilakukan oleh Seo II.

Construction itu ialah salah sebuah pemborong dari negeri Korea.

Bila siap nanti sebahagian dari keseluruhan bangunan tersebut akan diisikan sendiri oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei manakala sebahagian lagi adalah untuk disewakan.

Tingkat bawah sebahagian digunakan untuk 'ticketing office' oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei sementara

sebahagian lagi untuk disewakan kepada bank-bank dan juga kemungkinan bagi pejabat-pejabat syarikat penerbangan lain.

Plaza tersebut akan juga memberi peluang kepada pekedai dan pengusaha-pengusaha restoran bilamana tingkat pertama adalah khas disediakan untuk beberapa buah kedai dan restoran.

Bagaimanapun restoran yang dimaksudkan tidaklah begitu besar dan bukan untuk menghidangkan makanan yang khas tetapi akan hanya dapat menyediakan makanan ringan seperti sandwiches, milkshakes, hamburgers dan lain-lain.

Tingkat dua hingga tingkat enam adalah merupakan bahagian-

bagian yang akan disewakan sebagai pejabat-pejabat dan untuk tujuan itu ianya senhaja dibina dengan bentuk yang mudah diubah (open plan).

Tingkat tujuh yang juga merupakan open plan akan menjadi pejabat bagi syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Bahagian Belakang direka sesuai untuk menjadi bilek komputer.

Tingkat atas sekali yang akan digunakan oleh Syarikat tersebut adalah khas bagi bilek-bilek Pengurus Umum, bilek mesyuarat dan dua bilek tamu untuk kemudahan pelanggan-pelanggan.

Adalah difahamkan pada ketika ini hampir semua pejabat-pejabat syarikat RBA ditempatkan di hangar di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Dengan siapnya Plaza itu nanti ianya akan memberi tempat kepada semua pejabat syarikat tersebut, dan hangar yang ada ketika ini akan digunakan bagi memberi kemudahan rawatan kepada kapal terbang kepunyaan syarikat.

Kerja-kerja pembinaan bagi Plaza yang dijadualkan siap dalam tempoh 21 bulan itu seluruhnya akan diawasi oleh Jabatan Kerja Raya Brunei.

## HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN HARIAN

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 22hb. Jun 1983.

### BANDAR SERI BEGAWAN

- UDANG KERING: \$9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Chee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
  - Chai Huat Trading, No. B2, Jln Roberts.
  - Khim Eng Co. No. 54 Jalan Sultan.
- LADA KERING: \$3.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Khim Eng Co. No. 54, Jalan Sultan.
- BAWANG MERAH: \$1.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Sharikat Hj Abd Rahmad, No. 94 Jalan Pemancha.

### KUALA BELAIT

- UDANG KERING: \$9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.
  - Chin Fatt, No. 60B Jalan Pretty.
- LADA KERING: \$3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.
  - Foh Soon, No. 60A, Jalan Pretty.
- BAWANG MERAH: \$1.70 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - S. Saadiah, No. 92, Jalan McKerron.

### SERIA

- UDANG KERING: \$9.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
  - Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
- LADA KERING: \$3.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Yick Fatt, Lot No. 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
- BAWANG MERAH: \$1.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
  - Hudson Company, No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
  - Hui Guan, No. 48B, Jalan Bunga Kuning.
  - Chop Siong Yick, No. 54 Jalan Bunga Kuning.

## QARI DAN QARIAH SERTAI MUSABAQAH

BERAKAS — Johan dan qariah Haji Damin bin Haji Damin dan Dayang Hajah Mami bte Haji Abd. Kadir kini sedang berada di Kuala Lumpur bagi bertanding. Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Antarabangsa yang dianjurkan oleh ibu negara Malaysia ini atas undangan kerajaan Malaysia.

Ahad 26hb. Jun, lepas di ketuai oleh Dato Haji Abdullah bin Metassan, Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dan turut mengiringi ialah Ustaz Haji Abd. Kadir bin Awang.

Lebih dua puluh negara rantau Asia dan Timur Tengah telah menghantar wakil masing-masing ke pertandingan itu.

Rombongan wakil Brunei itu di jangka pulang ke tanahair pada 3hb. Julai depan.



Kerja-kerja meroboh bangunan Bahagian Peperiksaan dan Kenaziran sedang dijalankan.

Bulan Ramadan telah dua minggu kita lalui. Namun keghairahan umat Islam di negara kita membuat persiapan Hari Raya telah mula kelihatan.

Dalam menghadapi suasana ini sebagaimana lazimnya, ibu negara, Bandar Seri Begawan akan menjadi tumpuan. Gedung-gedung perniagaan, pusat-pusat membeli-belah khususnya kedai-kedai pakaian dan kasut, biasanya akan penuh sesak dengan orang ramai.

Meski pun begitu terdapat juga orang yang membuat persediaan lebih awal seperti menempah pakaian dan membeli alat-alat perabot. Bersikap begini adalah lebih menguntungkan kerana sudah menjadi 'trend' di hari-hari begini, pengguna-pengguna terpaksa menghadapi masalah kenaikan harga barang-barang yang didorong oleh permintaan yang kadang-kadang melebihi dari biasa.

Dalam menyediakan keperluan menjelang Hari Raya, sesebuah keluarga akan keluar bersama untuk membeli-belah. Keinginan anak-anak seringkali lebih diutamakan oleh kedua orang tua mereka. Biasanya ini merupakan detik yang amat menyeronokkan bagi kanak-kanak memakai pakaian serba baru di pagi raya. Hampir setiap ibu bapa akan berusaha sedaya upaya mereka untuk memenuhi keinginan anak-anak mereka. Bagi Mereka sendiri pula

biasanya akan menyediakan ala kadarnya saja. Apa yang penting adalah anak mereka gembira dan mereka untuk itu akan cukup merasa bahagia.

Di samping membeli pakaian umpamanya, keindahan rumah kediaman juga tidak dilupakan. Mana-mana dinding rumah yang sudah pudar warnanya, akan dicat semula untuk menambahkan serinya. Halaman yang semak samun akan dibersihkan. Perabot yang lama akan diganti baru. Lampu-lampu neon dipasang di luar rumah.

Bagi kaum wanita pula, mereka sibuk menyediakan pakaian anak-anak sama ada dengan cara menempah atau membuat sendiri. Kuih-kuih atau 'biscuit' selalunya akan dibuat beramai-ramai. Bagi yang tidak mempunyai kesempatan membuat sendiri akan membeli di gerai-gerai atau yang di jual oleh pertubuhan-pertubuhan wanita.

Keluarga yang jauh, sahabat yang terpisah biasanya tidak akan dilupakan. Kad ucapan sebagai pengganti diri akan dikirimkan. Kedua-dua pihak saling kirim

mengirim. Kad-kad yang berbagai bentuk dan ukuran selalunya telah ada sedia di pasaran bahkan sebelum bermulanya bulan Ramadan lagi.

Walau pun begitu terdapat juga kad-kad yang dicetak sendiri atau dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan, badan-badan kebajikan atau pejabat masing-masing.

### KESIBUKAN

Pejabat pos tidak ketinggalan turut mengalami kesibukan dalam melayani orang ramai yang membeli setem yang biasanya dalam jumlah yang banyak dari hari-hari biasa. Tidak ketinggalan juga kakitangan yang berkerja lebih masa demi untuk menjamin kad-kad yang dikirimkan sampai ke destinasi lebih awal sebelum menjelangnya Aidilfitri.

Dalam pada itu, golongan-golongan yang tidak bernasib baik tidak pula akan dilupakan. Bantuan diberi, derma dihulurkan, sama ada berbentuk wang ataupun harta benda seperti pakaian dan makanan. Ianya dilakukan melalui huluran derma bagi anak-anak yatim atau pemberian zakat oleh pihak-pihak yang tertentu.

# PERSIAPAN MENJELANG HARI RAYA



Pejabat Pos tidak lari dari kesibukan apabila orang ramai berpusu-pusu untuk Selamat Hari Raya.

Semua ini dibuat agar mereka akan sama-sama menikmati kemeriahan suasana di hari yang mulia itu.

### PESAKIT

Selain dari itu terdapat juga individu-individu yang berkemampuan, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan jabatan-jabatan yang tertentu dengan rendah hati melawat dan tidak ketinggalan menyumbangkan bungkusan-bungkusan hadiah kepada pesakit-pesakit yang terpaksa menyambut suasana hari raya di katil wad masing-masing.

Di samping itu, ketua-ketua keluarga tidak lupa menunaikan tanggungjawab mereka menguruskan pembayaran zakat fitrah kepada amil-amil yang telah dilantik.

Di hari-hari terakhir menjelang hari raya dan khususnya selepas menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri pula kaum muslim dan anak-anak kecil akan menziarahi perkuburan keluarga dan teman-teman yang telah pergi lebih dahulu ke alam baqa. Tahlil dibacakan dan doa-doa dipohonkan semoga roh mereka akan tenteram dan diampuni Allah serta ditempatkan dalam golongan orang-

orang yang salih, sambil itu sanak saudara yang berziarah akan juga membersihkan kawasan perkuburan itu.

Kesibukan-kesibukan itu akan berterusan dengan

saling mengunjungi dan keke- maaf bag- lagi tal- telah se-



Kedai-kedai juga menjadi tumpuan mereka yang ingin mendapatkan kad-kad yang sedia dengan berbagai ucapan.



Kalau boleh semua serba baru. Bagaimana pada kemampuan masing-masing. Kelihatan mahu memiliki kasut baru di hari labaran.

Di samping puasa ada peristiwa penting di bulan Ramadan

# AL-QURAN MULA DITURUNKAN

BARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya.

Dalam kita menjalani puasa di bulan Ramadan yang mubarak ini banyak mengerjakan ibadah sunat serta perkara yang dibijikan demi peluang yang datang sekali di setahun. Kerana itu peluang ini akan menjadi dengan kerugian besar kerugiannya. Di bulan ini satu hal yang kita ingati di Bulan Ramadan ini ialah suatu yang sangat besar di kalangan kita Islam. Iaitu peristiwa yang dikenali sebagai Al-Quran. Iaitu Al-Quran yang diturunkan kepada Al-Loh Al-Hafiz ke langit dunia dan turun kepada Rasulullah secara berangsur-angsur mengikut perintah dan keadaan seribuan sebab yang berlainan. Kemudian di

zaman sahabat ini dikumpulkan, seterusnya hinggalah menjadi sebuah kitab sepertimana yang ada di tangan kita pada hari ini.

Al-Quran yang diturunkan di bulan ini bukan saja ianya merupakan suatu mukjizat kepada Nabi kita Muhammad s.a.w. bahkan ianya adalah merupakan cahaya dan hidayah serta petunjuk kepada sekalian manusia ini adalah jelas sepertimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran di dalam surah Al-Baqarah ayat 185 yang tafsirnya: "Bulan Ramadan yang diturunkan di dalamnya Al-Quran sebagai hidayah dan pimpinan kepada manusia. Dan kerana keterangan mengenai pimpinan kebenaran itu dan menjadi pemisah antara yang benar dan yang salah." Selain dari itu dengan turunnya Al-Quran itu

juga telah dapat menunjukkan manusia ke arah jalan kehidupan yang sebenarnya, kehidupan yang berteraskan iman dan takwa serta kepada peraturan Allah iaitu setelah manusia sesat di dalam kegelapan hidup yang didorong oleh hawa nafsu dan syaitan. Firman Allah dalam Surah Ibrahim ayat 1 maksudnya: "Kitab (Al-Quran) telah Kami (Allah) turunkan kepada engkau ya Muhammad untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan hidup kepada cahaya hidup yang sempurna."

Kerana itu bagi orang yang muttaqin atau sentiasa bertakwa kepada Allah dan orang saleh menjadi Al-Quran itu sebagai cara hidup dan panduan mereka di dalam menuju keredaan Allah s.w.t. dengan etikata yang lain mereka itu menghayati dan menjiwai Al-Quran dengan sebenarnya. Mereka bukan hanya setakat membaca dengan tidak merasa jemu atau bosan bahkan

mengamalkan segala apa jua ajaran dan petunjuk yang ada di dalam Al-Quran itu.

Akan tetapi apa yang setengahnya menjadi kenyataan pada zaman sains dan teknologi ini. Iaitu di mana penyampaian di dalam bidang ilmu sekular lebih diutamakan maka ada setengah orang-orang kita Islam langsung tidak menghiraukan untuk mempelajari Al-Quran setidaknyanya untuk tahu membaca dengan lancar. Dan yang lebih dahsyat lagi ialah mereka ini juga tidak pernah terbayang dan terfikir untuk menyuruh dan menghantar anaknya belajar membaca Al-Quran yang mana akhirnya anaknya itu juga akan menjadi buta huruf terhadap Al-Quran sebenarnya sikap seperti itu adalah merugikan diri sendiri. Kerana membaca Al-Quran itu bukan sahaja dapat mendatangkan pahala yang besar.

Bahkan mempelajari Al-Quran itu baik dari segi untuk tahu membaca

dengan betul apatah lagi untuk mempelajari isi kandungan Al-Quran itu, maka kesemuanya itu adalah mendatangkan pahala yang besar kepada kita yang mana dari segi hukumnya adalah fardu kifayah iaitu ini sangat-sangat dituntut dari kaum Muslimin, mengenai dengan kebaikan dan berfaedahnya orang mempelajari Al-Quran itu ialah sepertimana Rasulullah s.a.w. sendiri memberikan pujian seperti mana sabda Baginda yang tafsirnya: "Sebaik, kamu ialah orang yang mempelajari Al-Quran dan mengajarkannya."

Manakala orang yang tahu membaca Al-Quran dengan mahirnya serta melazimkan membacanya maka orang itu adalah mendapat kedudukan yang sangat mulia. Selain dari itu orang yang baharu tahu membaca Al-Quran dengan sebutan yang agak payah, pun jua mendapat

pahala dari bacaan itu asalkan ianya membaca dengan khushyuk dan penuh minat. Ini jelas seperti mana hadis Rasulullah ada menjelaskan mengenai hal ini iaitu sabdanya yang kira-kira maksudnya: "Orang yang membaca Al-Quran dengan mahirnya dan lancar bacaannya adalah bersama para malaikat yang mulia lagi baik. Dan orang yang membaca dan merasa nikmat ketika membacanya itu pada hal lidahnya berat menyebut huruf-hurufnya adalah mendapat dua pahala."

Kerana itu para sahabat Nabi dan para tabien serta ulama Al-Salaf As-Saleh tidak pernah merasa jemu-jemu dari membaca Al-Quran terutama di bulan Ramadan bulan diturunkan Al-Quran sehingga ada di antara mereka itu seperti Imam As-Syafie r.a. dapat

Lihat muka 13

## PUASA MERUPAKAN PERISAI

Oleh : A. Mohammad P.J.L. Hj. Abdullah

Alhamdulillah sebagai ucapan kehadrat Allah s.w.t. kerana pada bulan ini kita diberikan kesempatan sekali lagi untuk menyambut dan menghayati ketibaan bulan Ramadan yang mulia lagi berkat. Di sepanjang bulan inilah kita umat Islam diwajibkan menunaikan satu ibadah yang besar dan banyak manfaatnya sama ada di dunia atau di akhirat. Oleh itu kita haruslah menunaikan puasa dengan penuh perhatian.

Puasa dari segi bahasa ialah menahan diri dari melakukan sesuatu yang haram atau dari melakukan sesuatu yang diharamkan oleh Allah. Puasa juga bermaksud menahan diri dari makan, minum dan melakukan perbuatan yang haram sepanjang waktu puasa. Puasa juga bermaksud menahan diri dari melakukan perbuatan yang haram sepanjang waktu puasa.

Puasa juga bermaksud menahan diri dari melakukan perbuatan yang haram sepanjang waktu puasa.

sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 183, yang kira-kira bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana Allah telah mewajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa". Di dalam maksud firman Allah tersebut, sudah jelas bahawa ibadah puasa itu adalah merupakan satu ibadah lama yang telah pernah dilakukan oleh umat manusia di beberapa zaman yang lampau. Kerana itu bagi setiap umat Islam yang melakukannya dengan penuh rasa tanggungjawab dan penuh kejujuran, Allah s.w.t. akan mengumpulkannya dalam golongan orang-orang yang bertakwa. Perkataan 'takwa' dalam maksud firman Allah tadi ternyata melambangkan suatu perlindungan. Sungguh jelas bahawa ibadah puasa itu suatu perlindungan kepada orang-orang yang mengerjakannya daripada ianya melakukan perbuatan-perbuatan yang mungkar dan menurunkan hawa nafsu. Dan ini bertepatan sekali dengan sabda Junjungan Besar

kita Rasulullah s.a.w., yang bermaksud kira-kira: "Bahawa Puasa itu adalah merupakan perisai".

Istilah perisai di sini adalah merupakan suatu pendinding yang kukuh untuk menerima serangan hawa nafsu yang senantiasa mencari peluang bagi menjahankan seseorang itu, kerana itulah kita mesti memakai perisai yang telah pun ditunjukkan oleh Allah s.w.t. dan Rasul-Nya bagi menentang semuanya itu, sama ada bagi orang perseorangan mahupun bagi masyarakat Islam seluruhnya kerana ibadah puasa itu banyak faedah yang boleh didapati daripadanya bagi mereka yang menyempurnakannya di antaranya ialah: Menanamkan perasaan bertimbangrasa ke dalam jiwa orang-orang yang mengerjakannya iaitu terhadap golongan yang kehidupan mereka senantiasa dalam kesusahan dan dihipit oleh penderitaan. Sebab seseorang yang mengerjakan ibadah puasa

ketika perutnya merasa lapar dan tekaknya merasa dahaga, maka dengan secara otomatis ianya akan terkenang atau terbayang betapa deritanya orang-orang miskin dan hidupnya menderita. Dengan demikian boleh menimbulkan suatu perasaan belas kasihan dan ingin untuk menolong dan membantu mereka, walaupun sedikit, sekadar yang terdaya oleh mereka.

Bila kedua golongan manusia itu dapat hidup secara tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu sama lain, maka akan hilanglah perasaan iri hati dan benci membenci. Dengan demikian akan menerbikan perasaan muhibbah dan cinta-mencintai dalam masyarakat kedua golongan manusia itu akan terwujud, jadi ini bererti akan membolehkan sesebuah masyarakat itu aman damai dan harmoni tanpa syak wasangka di antara satu sama lain.

Selain daripada ibadah puasa itu boleh mengwu-

judkan atau membentuk suatu masyarakat yang kukuh dan padu, ibadah puasa juga boleh memperteguhkan azam dan cita-cita supaya hidup berperaturan dalam menghadapi kehidupan sehari-hari, boleh mengubah sikap dan adat yang biasa dilakukan pada setiap hari dengan jalan menyekat kemahuan hawa nafsu zahir dan batin tanpa sebarang pengecualian, sama ada dari segi makan, minum mahupun tutur bahasa dan sebagainya, terutama adap sopan dalam pergaulan bermasyarakat.

Kerana itulah, dalam menunaikan ibadah puasa, kita umat Islam seharusnya menjadikan ibadah puasa itu sebagai perisai yang boleh menangkis dari segala apa jua corak kemaksiatan, janganlah ibadah yang suci itu dikotori oleh perkara yang boleh menyebabkan puasa kita sebagai sia-sia sahaja, yang mana pada lahirnya sahaja berpuasa semata-mata untuk menunjukkan kepada masyarakat sedang pada batinnya puasannya itu sama sekali tidak memberi

**Bingkisan  
minggu  
ini**

kemanfaatan untuk rohaninya, hanya merasa lapar dan dahaga tanpa memperoleh pahala, ini sungguh jelas sebagaimana sebuah hadis Baginda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh An-Nasaie, Ibnu Majah dan Al-Hakim, yang bermaksud kira-kira: *Kadangkalah orang berpuasa itu tidak ada pahalanya kecuali hanya lapar belaka*.

Oleh yang demikian dalam mencari keredaan Allah s.w.t. kita hendaklah berlaku jujur kepada diri sendiri dalam menyempurnakan kesucian ibadah puasa, sebab ibadah puasa itu Allah s.w.t. sendiri yang akan menetapkan pahalanya. Jika kita menipu diri sendiri, ini bererti kita menipu Allah s.w.t. Sedangkan Allah s.w.t. itu bersifat mengetahui segala-galanya.



## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS

# BAGAIMANA CARA KHUSYUK

## DALAM SEMBAHYANG Siri ke-189

SEMBAHYANG dengan khusyuk itu bererti hendaklah ia dalam semua bahagian sembahyangnya itu, ingat bahawa ia dalam sembahyang, dan jangan ia ingat perkara yang lain dari sembahyang dan anggotanya jangan melakukan sesuatu dengan membetulkan seperti pakaian atau serbannya padahal ia tidak berhajat sangat pada membetulkan keduanya,

dan setengah ulama memberi erti khusyuk dalam sembahyang itu ialah tenang hati dan anggotanya sepanjang sembahyang itu. Kata setengah yang lain: Hendaklah hati dan anggota tenang, dan ia ingat bahawa ia berdiri di hadapan Raja segala Raja, dan ia bercakap dengan Raja itu, dan ia hadapkan sembahyangnya itu kepada

Allah Taala Raja bagi segala Raja, dan Tuhan kepada seru sekalian alam itu dan barangkali Tuhan-nya menolak dan tiada menerima sembahyangnya itu.

Dari sebab itu kata ulama: sunat bagi orang yang sembahyang itu sentiasa memandang tempat sujudnya, dan khusyuk (tenang hati dan anggota),

dan memerhatikan dan mengamat-amati segala bacaan, dan kosong hatinya dari ingat perkara dunia, dan ia masuk dalam sembahyang dengan cergas dan semangat.

Sayidina Ali radiallahu anha telah mentafsirkan khusyuk itu dengan lembut hati dan anggota tidak melakukan sesuatu

perkara.

Berkata ulama: Daripada perkara yang menghasilkan khusyuk maka hendaklah orang yang sembahyang itu ingat bahawa ia berdiri di hadapan Tuhan Rabbul-Alamin yang mengetahui segala rahsia dan mengetahui segala yang sulit dan ia berkata-kata dengan Tuhan-nya itu dalam sembahyangnya itu dengan sepenuh ingatan dan adab.

Berkata setengah ulama: Bahawa khusyuk itu satu dari syarat sah sembahyang, dan hendaklah khusyuk itu ada

dalam bahagian

Ringkasnya hendaklah dan tetapan bergera bulatkan saan pada bahagian memelihara bacaan sepanjang sembahyang hendaklah perhatian berdiri di hadapan Tuhan dan Allah dan menggerakkan adalah dan anggota

## PERUTUSAN NUZUL AL-QURAN

Untuk mencapai semula zaman kegemilangan:

# UMAT ISLAM MESTI KEMBALI KEPADA AJARAN AL-QURAN

JIKA umat Islam ingin mencapai semula zaman kegemilangannya yang berpengaruh dan penuh kebesaran itu tiada jalan lain melainkan kembali berpegang teguh kepada ajaran-ajaran dan petunjuk serta hukum-hukum Al-Quran.

### Kegiatan amal

Untuk menghidupkan lagi suasana bulan puasa yang mubarrak ini, Umat Islam di negara ini di samping berpuasa telah juga mengunakayahkan berbagai kegiatan amal kebajikan yang sememangnya sudah menjadi tradisi hidup beragama yang menjadi warisan zaman berzaman.

Di antara kegiatan-kegiatan tersebut ialah membersihkan tanah-tanah perkuburan. Pada hari Jumaat lepas penduduk Kampung Kupang di Daerah Tutong telah memucang-mucang membersihkan tanah perkuburan di kampung tersebut yang diketuai oleh ketua kampung berkenaan.

Di samping itu orang-orang perseorangan juga tidak ketinggalan melakukan kerja amal itu terutamanya kubur-kubur kaum keluarga dan sanak saudara di samping menghadihkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan doa kepada mereka yang terdahulu menemui Tuhan-nya itu.

Dalam pada itu suasana di masjid-masjid dan surau-surau lebih meriah lagi dengan majlis bertadarus dan sembahyang-sembahyang sunat tarawih dan witr. Ada juga penduduk kampung yang mengadakan majlis tadarus itu secara bergilir-gilir dari rumah ke rumah.

Y.B Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei membuat penegasan tersebut memandangkan terdapatnya masih banyak umat Islam yang ragu untuk menjadikan Al-Quran sebagai satu-satunya sumber hukum dan undang-undang dalam tindak-tanduk mereka sehari-hari.

"Padahal petunjuk-petunjuk Al-Quran itulah yang pernah menjadikan umat Arab yang lemah menjadi kuat, umat yang mundur menjadi maju, umat yang asalnya porak-peranda menjadi satu, umat yang tidak banyak mempunyai peraturan menjadi teratur, umat yang tidak terkenal menjadi umat yang berpengaruh, umat yang dahulunya di bawah

pengaruh blok-blok Rom dan Parsi menjadi penakluk kedua kuasa besar itu," ujar Pehin Datu Imam mengingatkan.

Y.B Pehin Datu menyatakan demikian dalam ucapan perutusan Nuzul Al-Quran yang disiarkan melalui RTB malam kelmarin.

Tujuan kitab suci Al-Quran diturunkan adalah bagi faedah sekalian umat manusia di seluruh dunia di semua zaman sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. hinggalah ke hari kiamat, lantaran itu ia mendapat jaminan keselamatan daripada Allah Taala sendiri. Justeru itu, menurut ahli tafsir tiada seorangpun yang akan berdaya menambah, mengurangkan, meminda atau mengubah isi kandungan kitab suci itu, ujar Y.B Pehin menjelaskan.

Kata Y.B Pehin lagi bukan sedikit percubaan atau usaha yang telah dilakukan oleh berbagai-

bagai pihak untuk membuat pencemaran terhadap kandungan Al-Quran dalam berbagai bentuk dan cara yang berlainan. Namun kesemua perbuatan yang dilakukan oleh musuh-musuh Al-Quran itu dapat disedari oleh umat Islam dan niat jahat mereka terus gagal.

Lain pula halnya dengan kitab-kitab yang terdahulu dari Al-Quran yang tiada mendapat jaminan Allah untuk memeliharanya, hanya di serahkan kepada manusia untuk memeliharanya, telah banyak mengalami perubahan dan pindaan mengikut kehendak manusia di sesuatu zaman itu yang menyebabkan hilang keasliannya.

Justeru keaslian dan ketulutan isi kandungan Al-Quran itu, Y.B Pehin Datu Imam menegaskan adalah suatu bukti bahawa Al-Quran adalah satu-satunya kitab suci yang

paling dapat dijamin kebenarannya datang s.w.t. p. dan tempo

Kesimpulannya Quran adalah semua cakupi kehidupan di zaman mad s. pertengahan abad ke-19 kesedaran pir hari ini

Tidak jahliah dur, teknologi apa be datang penting umat yang perat undangan yang kepada menjangka hidup akhirat



Y.B Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei

...usaha mendedahkan dan menggali secara dekat mengenai persatuan bagaimana mulanya terdapat pemikiran ke atas pembentukannya?

...Sumadi: Ianya ditubuhkan atas satu keinginan dan kesedaran di kalangan pemuda yang mementingkan seni sastra dalam tahun 1962. Kelompok ini sentiasa in-...khususnya Bahasa Melayu dan seni sastra Melayu di Brunei ini supaya maju dan berkembang.

...lagi dorongan yang meraih keinginan mereka ialah untuk menyatukan penulis, penyaer yang bertaburan dan tidak mempunyai tempat untuk bertemu dan menggabungkan diri demi untuk merealisasikan maksud dan hasrat mereka.

...Bagaimanakah cara pengumpulan para penulis peringkat awalnya dalam persatuan ini?

...Sumadi: Memang kesulitan. Tetapi akhirnya itu telah dapat tercapai dengan semangat mengujutkan per-...penulis. Pada masa juga keahliannya sedikit tapi in-...dan usaha yang berterusan melalui meng-...kegiatan-kegiatan sastra yang berorien-...tarian dan drama persatuan ini semakin bertambah.

...Apakah dasar-dasar yang terkandung dalam Asterawani ini?

...Sumadi: Ada dua asas utama. Pertama un-...mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kedua un-...menyatupadukan semua penulis di Brunei ke dalam satu peringkat dan satu belangan.

...Apakah matlamat utama Asterawani?

...Sumadi: Matlamat utamanya ialah pada memperjuangkan Bahasa Melayu itu supaya akan wujud dan utuh serta bermaya di negeri ini. Selain itu Asterawani juga berhasrat untuk mengem-...kebudayaan Brunei sesuai dengan rasa dan pemikiran ke-...negeri.

...Apakah langkah yang berkesan dari Asterawani bagi melaksanakan matlamat pada mem-...Bahasa Melayu sebagai bahasa yang bermaya di negeri ini?

...Sumadi: Sejak tahun 1962 lagi iaitu lebih kurang sudah 21 tahun As-...berjuang dan melalui pengalaman yang didapat pada masa mencapai mat-...tembut bukanlah perkara yang mudah. Bagaimanapun usaha-...itu ke arah mencapai matlamat tersebut akan terus berjalan dan dari semasa ke semasa akan dilakukan beberapa perancangan yang berkesan.

...belum itu dalam hubungan ini beberapa kegiatan yang difikirkan untuk dilakukan pun dilak-...sebagai meng-...perjumpaan penulis di...bagi membina...bahasa, sastra dan budaya yang bermaya melalui nya be-...rumah telah

## FOKUS:

# MENGENAI PERSATUAN ASTREWANI

**Temuramah dengan Awang Sumadi Sukaimi, Ketua Satu Astrewani.**



Selain itu pihak Astrewani juga berlan-...jutan mengadakan peradu-...menulis seperti cerpen, sajak, skrip drama bengkel-bengkel dan perkampungan sastra.

Dalam pada itu Astrewani juga ada mengundang karyawan-karyawan yang berkalibar yang semata-mata untuk bertukar fikiran melalui pengalaman mereka mengenai bahasa terutama sastra dan kebudayaan.

Di samping itu pihak persatuan juga akan membuat kerja-kerja selidik terhadap warisan seni budaya Brunei asli yang setakat ini belum banyak bahan-bahannya dibuat atau dibukukan dan jika berjaya nanti tentu akan dapat menambahkan kekayaan khazanah seni budaya Brunei, dan secara tidak langsung Astrewani dapat memainkan peranan dalam mencapai hasratnya untuk menjadikan Bahasa Melayu itu sebagai bahasa rasmi.

DS: Memandangkan Astrewani selalu menjemput karyawan-karyawan luar negeri bagaimanakah hubungan persatuan ini di peringkat luar negeri?

Awg. Sumadi: Hubungannya adalah berasaskan

mana-mana pihak. Selain itu mereka juga mengenali lebih dekat melalui karya-karya penulis tempatan dan kini mereka mula kenal beberapa tokoh penulis di negeri ini di mana mereka telah dapat disetarafkan dengan penulis di luar negeri.

DS: Memandangkan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka juga banyak memainkan peranan dalam memperkembangkan bahasa dan sastra bagaimana hubungan Astrewani dengan jabatan ini?

Awg. Sumadi: Hubungan antara keduanya memang erat. Memang dalam banyak bidang terutamanya dalam bahasa dan sastra keduanya banyak bersama mengungkapkannya. Contohnya baru-baru ini keduanya telah bergabung mengendalikan Simposium Bahasa dan Sastra.

Dalam hubungan dua pihak ini, setakat ini Astrewani telah banyak menerima bantuan yang berupa sama ada moral atau tenaga serta material dari jabatan ini dan semoga hubungan yang menggalakkan ini akan berterusan bagi mengwujudkan kerjasama dan persefahaman bagi keperluan perkembangan bahasa dan sastra di negeri ini.

DS: Bagaimana pula tindak balas dari Astrewani ke atas kegiatan penekanan secara intensif pihak DBP kepada sistem ejaan baru?

Awg. Sumadi: Buat masa ini pihak Astrewani belum lagi melibatkan diri secara 'total' tetapi adalah menjadi cita-cita Astrewani untuk bekerjasama terutama dalam bidang penulisan atau perbin-...cangan untuk menjualkan pemikiran yang baik bagi penggunaan bahasa itu nanti.

DS: Sejauh ini setakat mana sudah sumbangan dan kegiatan-kegiatan ahli persatuan ini dalam berkarya?

Awg. Sumadi: Walaupun pada dasarnya persatuan ini mempunyai ahli lebih 200 orang tapi kelompok penulis yang benar-benar bergiat hanyalah separuh. Pada masa ini tidak banyak ahli yang melibatkan diri secara berkesan dalam bidang berkarya.

Tapi yang mungkin banyak hanyalah dalam bidang puisi yang mana banyak karya-karya puisi tersebut telah disiarkan dalam majalah Astrewani 'Karya' dan yang lainnya sama ada dalam majalah Mekar atau Bahana atau majalah-majalah luar negeri. Selain itu bidang-bidang lain ialah dalam penulisan cerpen dan baru-baru ini dalam penulisan novel.

Selain itu para ahli persatuan ini selain bergiat dalam penulisan ada di antara mereka juga bergiat dalam bidang kebudayaan seperti tarian, drama dan seni lakon secara suka rela.

DS: Menyentuh soal minat untuk membaca yang sekarang telah mula meresap kepada masyarakat di Brunei apakah langkah yang berkesan dari Astrewani bagi mengimbangi perkembangan ini terutama dalam memberikan bahan-bahan membaca selain dari mendapatkan karya dari luar negeri?

Awg. Sumadi: Dalam soal ini ia adalah menjadi cabaran khusus kepada kaum penulis di Brunei. Kita tidak boleh bergantung selamanya kepada bahan-bahan dari luar negeri.

Soal utama sekarang ialah bagaimana mengim-...bahang bahan cetak dari luar negeri itu dengan menerbitkan bahan-bahan tempatan yang berbentuk identiti keBruneian.

Dalam hubungan ini ada dua masalah. Pertama

soal tenaga berkemahiran dan kedua kekurangan teknik penerbitan. Mungkin dalam lima tahun ini kita masih bergantung kepada pengaliran bahan luar negeri.

DS: Dalam mendokong hasrat kerajaan untuk menjadikan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi apakah aspirasi Astrewani sejak akhir-akhir ini.

Awg. Sumadi: Astrewani akan menyumbangkan melalui seni sastra selain mengwujudkan seni sastra keBruneian tulin yang perlu ditonjolkan dari sekarang melalui dari semua sudut kehidupan.

Dalam pada itu juga selain berbentuk ke-Bruneian ciptaan dan karya patut mengagungkan keislaman berlandaskan hasrat kerajaan menjadikan Islam sebagai ideologi negara.

DS: Bagaimana sumbangan Astrewani dalam mengisi suasana kemerdekaan nanti?

Awg. Sumadi: Beberapa perancangan telah dibuat misalnya mengadakan peraduan menulis novel sempena kemerdekaan dan baru-baru ini peraduan sastra dengan kerjasama Shell Brunei yang mana diharapkan bahan-bahan darinya akan dijadikan kenang-kenangan sambutan kemerdekaan kerana dalam peraduan ini ada menifestasikan puisi Brunei selain penulisan remaja dan cerita kanak-kanak.

Juga berkemungkinan Astrewani akan membuat penerbitan antologi puisi atau sajak atau akan dipanggil 'puisi Merdeka' khusus bagi memperingati kemerdekaan.

Tetapi memang Astrewani akan melibatkan diri lebih giat lagi dan secara langsung memberi cabaran kepada kaum penulis untuk menulis dengan lebih giat terutama dalam suasana kemerdekaan.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

### SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.  
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

### GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.  
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

### PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan  
6.05 Sinaran Wahyu  
6.15 Dendang Suria  
6.45 Berita  
6.50 Dendang Suria  
7.05 Panduan Sukan  
8.15 Intisari Rancangan

### TENGAH HARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)  
12.15 Mutiara Titah  
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

### PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah  
6.00 Siri Mukaddam  
Bingkisan Hari Ini  
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

### MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran  
10.24 Doa Restu  
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA

6.45 pagi

8.00 pagi

10.00 pagi

12.45 tengah hari

1.30 tengah hari

3.00 petang

5.30 petang

8.00 malam

## MENYIARKAN AZAN

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isha

## HARI RABU

29HB JUN

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Titiek Sandora.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Yatim Mustapha Siri 4), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.30 — Senandung Budaya, 9.45 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS

30HB JUN

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT

1HB JULAI

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Puspasari, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU

2HB JULAI

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari, 11.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

## HARI AHAD

3HB JULAI

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai

Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

## HARI ISNIN

4HB JULAI

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 —

Dendang Remaja, 4.30 — Rampaian Joget, 5.15 — Wakil Zamannya, 5.45 — Kuliah Agama (SU).  
MALAM: 7.00 — Majalah Hiburan Malam, 8.30 — Usaha, 9.00 — Lagu-lagu — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA

5HB JULAI

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit — Dendang Antarabangsa, 9.00 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Dangdut, 10.30 — Rampaian — Lagu-lagu Permintaan, 11.15 — Dari Lambaran Senandung Seloka.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Seloka.

PETANG: 2.00 — Ku Samudra — Gema Silam, 3.30 — Gema Keroncong/Puspasari, 4.00 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Malam.

MALAM: 7.00 — Ruangan Keroncong, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Kugiran karamai, 9.00 — Kugiran, 9.45 — Senandung Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

#### CLASSICAL MUSIC NIGHT

#### P.M.

8.00 Classical music night with Rory Higgins  
8.30 Hello Tomorrow  
9.00 Music Pleasant and Unpleasant by Bernard Shaw Prog. 3.  
9.30 Classical Music (continued)

#### Thursday

#### P.M.

8.00 International Money Programme.  
8.15 Sixty-Minute Theatre: "Bodies" by James Saunderson.  
9.30 Country Club — 47.

#### Fridays/Holidays

#### A.M.

11.00 Music in the World of Islam Prog. 4  
11.15 Break for Music featuring Anthony Ventura  
11.30 Children's half hour

#### NOON

12.00 Sweet and Stylish — 12/12.

#### P.M.

12.45 My Music — 255/267  
1.15 Book Club: "The Thirty Steps" by John Buchan — 1/10.  
8.00 The World of Books.  
8.30 Up The Belait River With-out A Paddle with guest Michele Pettigrew

9.00 Perspective

9.30 A Date with . . .

#### Saturday

#### P.M.

8.00 Hits In Germany  
8.30 Strictly Instrumental  
8.45 Just A Minute — 262/261.  
9.30 Top of The Pops — 969.

#### Sunday

#### A.M.

11.00 Our Views: "Courtesy As A Way of Life" — A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh  
11.30 Practical World  
11.45 London This Week.  
12.00 A Date with . . .

#### P.M.

12.45 Review of the Week  
1.00 Top of The Pops — 969 (repeat)  
1.30 Close Down.

#### STUDENT NIGHT

#### P.M.

8.00 Inter School Debating Competition 1983. PWES, K. Belait vs St. Margaret's Seria in the Lower Secondary Section.

8.30 Beautiful Music — 31/48  
8.45 BBC Science Magazine  
9.30 Drama: "Earthsearch" — A Science Fiction adventure across space and time by James Follet — 8/10.

### Monday

#### P.M.

8.00 Theatre Forty-Five "The Child" by Owen Wynmark  
8.45 Profile: Eric Clapton  
9.30 A play on Words — 1

### Tuesday

#### POP MUSIC NIGHT

#### P.M.

8.00 The Beatles of the Beat Prog. 2.  
9.30 Stereo Pop Special: "The Duran" Side 1.

### Daily

#### A.M.

6.30 Allah Peliharakan Sultan  
6.32 Quran and It's translation  
6.40 Brunei's Am  
7.00 Local News with title and Brunei In History  
7.15 Brunei's A.M. (continued)  
11.00 Ladies At Eleven — 11/11  
Fridays and Sundays  
12.00 Lunch Break — 12/12  
days and Sundays  
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei History.

#### P.M.

8.30 Radio Newsreel (except Sundays)  
9.15 News.

# Intisari minggu ini

RTB

Radio minggu ini:

## SKRIP2 UNTUK RANCANGAN HARI RAYA

Dak berapa lama kita umat Islam menyambut ke- Hari Raya Aidil seperti tahun-tahun lalu. Bahagian Radio Brunei menghadapi kedatangan bulan itu dengan persiapan-rancangan Hari Raya seperti-suri-suri suri-suri memikrkan juaah yang di meja

terutama keturunan Melayu bahawa Hari Raya dianggap hari baik bulan baik, hari bermaaf-maafan, hari untuk bergembira setelah sebulan lamanya menunaikan fardu puasa. Kita kira dari ini banyak idea boleh disalurkan ke dalam urat nadi persembahan drama, cuma terpuangnya kepada para penulis untuk mengolah perjalanan ceritanya sedang bahan untuk itu sudah melimpah.

Apa yang menjadi pengajaran kepada kita di masa-masa yang lalu ialah bahawa skrip-skrip yang diterima tidak bersangkut paut dengan ragam hari raya, atau hanya mengaitkan sedikit benar dengan suasana hari raya itu, maka jadilah persembahan drama di tahun lalu sumbang dengan masanya.

Kita mengharapkan kepada para penulis drama akan dapat

memberikan sesuatu pembaharuan dalam tema drama di hari raya ini, kerana pada tahun-tahun yang lalu kita masih ingat bahawa corak drama hari raya masih merupakan peristiwa sedih atau menggambarkan peristiwa di luar suasana hari raya.

Kita percaya bahawa para penulis tanahair penuh dengan idea untuk pembaharuan dalam bidang drama ini terutama dalam menghadapi hari raya ini, kerana itu kita yakin akan menerima sebuah dua skrip yang benar-benar merupakan satu pembaharuan. Baharu dengan tema, baharu dengan idea.

Amatlah kita berbangga jika dapat menerima skrip drama yang serba baru dan segar dalam idea untuk hidangan di hari raya yang mulia ini, dan dengan itu juga kita akan dapat menempa satu pembaharuan dari tahun ke tahun.



In OUR VIEWS this week the subject is "COURTESY AS A WAY OF LIFE" and discussing this subject are Awg. Rohan De'Silva, Dyg. Siti Azra Abdullah, Dyg. Hayati bte Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Haji Md. Salleh (chairlady) and Dyg. Magdalena Bong. They will be with you on Sunday 3/7/83 at 11.00 a.m.



Beginilah telatah peserta-peserta dari Rumah Muara dengan Rumah Tutong yang mewakili Maktab Anthony Abell, Seria dalam menjual dan membeli pantun untuk rancangan Berbalas Pantun, yang mana akan disiarkan pada hari Ahad 3hb. Julai dan siaran ulangannya pada 10hb Julai jam 11.30 pagi.

Sandiwar radio:

## Satu Kisah Di Hari Pertama Bulan Ramadan

Smpena dengan bulan Ramadan tahun ini, para peminat Sandiwar Radio Minggu ini kami ajak untuk mengikuti satu kisah tentang seorang lelaki yang walaupun telah

menjadi ketua dalam sebuah rumahtangga masih belum dapat mengubah sikapnya yang tidak tahan berpuasa sejak dari kecilnya.

Inilah yang dibentangkan oleh penulis A. Mohammad Timbang Brunei dalam cerita yang diberi judul Satu Kisah Di Hari Pertama Bulan Ramadan.

Sulung yang kebetulan mendapat sebulan cuti tidak pula merasa gembira dengan percution itu. Tentulah ini kedengaran ganjil, kerana lazimnya orang akan bergembira bila mendapat cuti, apa lagi yang panjang. Apa yang membuat Sulung tidak bergembira dengan percution itu? Jawapannya ialah, percutionnya itu kebetulan di bulan puasa dan kerana itu jugalah keluarganya mengajaknya untuk ber-

cuti dan berpuasa di kampung.

Di tahun-tahun yang lepas, Sulung beralasan yang dia menghidapi penyakit 'gestrik'. Tapi bila dia berpuasa di kampung nanti, perasaan malu dan takut terhadap orang tuanya mengatasi segala-segalanya. Kerana itulah dia terpaksa menukar tekad untuk mencuba berpuasa hingga genap sebulan.

Tapi hari pertama di bulan Ramadan itu pula telah mencatatkan kesih yang lucu dan memalukan pada Sulung sendiri. Apakah sebenarnya yang terjadi pada Sulung pada hari itu? Untuk cerita penuh, silalah para pendengar mengikuti siarannya pada 3hb Julai, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Helen Thu.

## Rancangan TVP — dari 4hb. hingga 9hb. Julai.

ISNIN — 4HB JULAI

HIKMAT, BOLA TUMBUK, SI MANIS, BERCEKITA dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 906.  
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, TUNJUK BENDA, BERSEMAN, TEKA BUNYI dan CERMIN SAKTI.

RABU — 6HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 905.  
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, SI MANIS, MENGATOR GAMBAR, BERSEMAN, AMINAH, BERCEKITA dan CERMIN SAKTI.

Cerita Cikgu Rokiah hari ini ialah Thomas dengan Kucingnya.

SABTU — 9HB JULAI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 907.  
Dalam rancangan ini Cikgu Rokiah dan anak-anak membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, TUNJUK BENDA, PETI SURAT, MENYANYI, BELON SI MANIS dan CERMIN SAKTI.

KHAMIS — 7HB JULAI



Peserta bagi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dyg. Azizah bte Hj. Kadhi di alamat No: 3 Kg. Saba Laut, Brunei. Kepada awda yang meminati rancangan ini jangan lupa mengikuti rancangan ini pada hari Isnin 4hb. Julai, jam 1.30 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 29HB JUN

### PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.46 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.58 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 KAP KAP UDANG
- 4.30 GIGGLESNORT HOTEL
- 4.55 WOODY WOODPECKER
- 5.20 DIFFERENT STROKES
- 5.50 321 CONTACT: "Forces Monday"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 321 CONTACT — sambungan
- 6.30 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI
- 6.40 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.50 AL-QURAN

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HART TO HART: "Harts On The Scent"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 HART TO HART — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 MASJID-MASJID DI MESIR
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 THREE'S COMPANY
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Stopover Tokyo"  
Pelakon-pelakon: Robert Wagner, Joan Collins, Edmund O'Brier, Joan Collins, Edmund O'Brier, Ken Scott dan lain-lain.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 30HB JUN

### PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.46 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.58 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 KAP KAP UDANG
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 JOANIE LOVES CHACHI: "Chicago" (Siri baru)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 SAFARI TO ADVENTURE: "Alligator"
- 6.30 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI
- 6.40 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.50 AL-QURAN

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KNIGHT RIDER: "White Bird"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 KNIGHT RIDER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 MASJID-MASJID DI MESIR
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 REGGIE JACKSONS WORLD OF SPORTS.
- 10.45 NINE TO FIVE: "Off Broadway"
- 11.15 BELLAMY
- 12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 1HB JULAI

### TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.16 CERAMAH AGAMA
- 12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-

YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

1.25 ROAD TO L.A.

### PETANG

- 2.15 BRET MAVERICK: "Song Ace" (Siri baru)
- 3.00 MIGHTY MAN AND YURK
- 3.30 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM: "Hunting Snakes"
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.56 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM — sambungan
- 4.00 THE LITTLE RASCALS
- 4.25 BRUNEI DALAM PEMBANGUNAN (Ulangan)
- 4.45 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.05 RICKETY ROCKET
- 5.25 YOU ASKED FOR IT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FILEM RENCANA
- 6.31 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI
- 6.41 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.51 AL-QURAN

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TUCKER'S WITCH: "The Toltec Death Mask"  
Siri kali ini Tuckers diupah untuk mencari "Mexican Mask" yang telah dicuri di mana tidak seorang pun mengetahuinya untuk mengesahkan sama ada wujud atau tidak.
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 TUCKER'S WITCH — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 MASJID-MASJID DI MESIR
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 DRAMA TEMPATAN: 'Kerbau' (Ulangan)
- 10.00 DALLAS: 'Brothers and Sisters'
- 10.50 BENSON
- 11.15 CBS SPORTS SPECTACULAR
- 11.45 CHICAGO STORY: "Dutton's Law" Bhg. 2
- 12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 2HB JULAI

### PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.46 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.58 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 KAP KAP UDANG
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 NATURE WATCH: "Migration"
- 5.55 ANIMAL WORLD: "All About Primates"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 ANIMAL WORLD: sambungan
- 6.31 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI
- 6.41 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.51 AL-QURAN

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE YEAGERS: "Now . . . More Than Ever"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 THE YEAGERS — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 MARI MEMASAK

9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Pendekar Sumur Tujuh"

11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "A Step Out Of Line"

Kisah tiga orang bekas tentera yang terlibat dalam peperangan Korea yang masih bersahabat baik. Secara kebetulan mereka bertiga dalam kesempatan wang dan memutuskan untuk menjalankan rompak bank secara besar-besaran. Pelakon-pelakon: Vic Morrow, Peter Falk, Peter Lawford, Po Ann Pflug, Tom Bosley dan lain-lain.

12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 3HB JULAI

2.00 PEMBUKAAN

2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

2.10 SUSUNAN RANCANGAN

2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK: "Prophet of Doom"

2.40 THE JEFFERSONS

3.10 BIG LEAGUE SOCCER

3.51 AZAN ASAR

3.55 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan

4.00 PLASTIC MAN

4.25 PANCA IRAMA: "Sekolah Inggeris Berakas" (Rancangan terakhir)

4.55 DR WHO: "Meglos" Bhg. 3

5.15 TARGET THE IMPOSSIBLE: "To make man superman"

5.40 THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG: "All This and Timbaktu"

6.00 BERITA AWAL

6.05 LOVE SIDNEY:

"Sail Away"  
"Sidney menemani Laurie dan Patti dalam pelayaran mereka untuk ber-cuti dan keseluruhan percutian mereka hampir-hampir terjejas."

6.31 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI

6.41 BEDUK/AZAN MAGHRIB

6.51 AL-QURAN

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON: "Get Houston"  
"Matt Houston berkeadaan putus asa dalam memperjuangkan hidupnya apabila dia mencuba untuk menyelamatkan dirinya dan J.C. Parsons dari seorang gila yang mahukan kematian Houston."
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 MASJID-MASJID DI MESIR
- 8.45 SIARAN LANGSUNG DARI WIMBLEDON PERLAWANAN TENNIS LELAKI PERSEORANGAN
- 12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 4HB JULAI

### PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.46 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.58 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 KAP KAP UDANG
- 4.30 WHISPER OF GLOCKEN
- 4.45 THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP: "Heir Rising Herness Race"
- 5.05 DASTARDLY AND MUTTELY
- 5.30 THAT'S INCREDIBLE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THAT'S INCREDIBLE — sambungan
- 6.31 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI
- 6.41 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.51 AL-QURAN



GAMBAR di atas menunjukkan Muhammad Ali (kanan) dan tofferson memegang peranan penting dalam buah siri baru "FREEDOM ROAD" akan dapat disaksikan pada hari Ahad 3hb Julai 1983 ini kira-kira jam 10.35 malam.

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TALES OF THE GOLD: "Truck From The Post"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 TALES OF THE GOLD — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 MASJID-MASJID DI MESIR
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 ARE YOU BEING SERVED: "It Is Catching"
- 9.45 VOYAGE OF CHARLES (Siri baru)
- 10.35 FREEDOM ROAD
- 11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 5HB JULAI

### PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.46 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.58 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 KAP KAP UDANG
- 4.30 PHOENIX AND THE GEM: "Gifts From Persia"
- 5.00 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 CURIOUS GEORGE
- 6.31 CERAMAH MENJELANG SUNG-KAI
- 6.41 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.51 AL-QURAN

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "Pas De Deux"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.57 FALCON CREST — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 MASJID-MASJID DI MESIR
- 8.45 ARENA SUKAN
- 9.45 STRANGERS: "Duty"
- 10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Three On A Date"  
"Sebuah komedi romantis mengenai peristiwa lucu yang menangi permainan 'The Game' di televisyen dan mereka yang berpeluang bercuti di Hawaii."  
Jun Allyson, Ray Bolger, John Byner, Carol Lyness dan lain-lain.
- 12.00 SIARAN TAMAT.

# RAJUKAN SENI BUDAYA SATU PERJUANGAN

ER SERI BEGA-  
Seni budaya  
diberi kepen-  
awajannya kerana  
ambangkan rupa  
yang ingin kita  
dari orang  
regenal dan me-  
ngsa kita.

Daerah Brunei  
Awang Haji Moha-  
Haji Serudin  
demikian di  
Pembukaan Rasmi  
Agung "RUM-  
SENI LAKUN  
RA" (RUSELA  
RA), di Dewan  
Dewan Bahasa dan  
Brunei pada hari  
11hb Jun, lalu.

angan di bidang  
ada adalah juga  
kan perjuangan  
gan. Dari itu  
untuk sentiasa  
baki dan mema-  
patut dibang-  
bagai suatu sum-  
berharga kepada  
dan negara."

selanjutnya men-  
berani men-  
sumbangan tena-  
luar kerajaan,  
melalui RUSELA  
ini, adalah se-  
membuktikan rasa  
jawab penuh  
dan penduduk un-  
sama berganding  
dengan kerajaan  
mengisi dan men-  
kan taraf seni  
yang kita cita-  
uar Awang Haji  
mammad.

mentuh dengan  
RUSELA NE-  
Pegawai Daerah  
Muara itu  
ikan rasa bangga  
munculnya persa-  
yang bersifat profe-  
sional.

rganisasi yang ber-  
profesional ini," jelas  
"adalah satu per-  
atau 'trend' yang  
bagi kita menjalani  
kini dan seterusnya  
makin mencabar.  
lebih menghidaki  
kita lebih berdedi-  
kiam membuahkan  
dan penyum-  
giatan yang dari  
mengikut aliran profe-  
akan boleh lebih  
pandai dan menim-  
program bertindak  
perkualiti terhadap  
keperluan  
negara".

nya Pegawai  
nu menekankan  
terdapat keha-  
mura persatuan  
yang seakan-  
rupa. hal itu  
perlu diper-  
kan kemun-  
masih dialu-  
nya, tidak  
mendapatkan bari

beberapa persatuan di  
bidang yang seakan-akan  
sama ini lahir dan bernafas  
kerana sememangnya ter-  
dapat perbezaan-  
perbezaan yang ketara  
apabila diteliti secara  
terperinci.

Walau bagaimanapun  
dari segi program bertin-  
daknya hendaknyalah  
tidak bercanggah atau ber-  
duplikasi antara satu  
dengan lain, beliau meng-  
ingatkan.

"Jika dikhuatiri timbul  
kemungkinan pelaksanaan  
program bertindaknya  
seakan-akan serupa, ada  
eloknya perundingan ber-  
sama dilakukan bagi  
melahirkan usaha sama  
yang tentunya boleh ber-  
sifat nasional dan  
rasional," ujar Awang Haji  
Mohammad memberikan  
saranan.

Memang disedari  
beberapa buah jabatan  
Kerajaan Kebawah Duli  
Yang Maha Mulia Paduka  
Seri Baginda Sultan dan  
Yang Dipertuan Negara  
Brunei Darussalam mem-  
punyai bahagian yang  
berupaya menimbulkan  
tenaga-tenaga seni  
budaya. "Tetapi kita jua  
menyedari kerajaan mem-  
punyai had-had sekatan  
kemampuan di bidang ini  
bila membandingkan  
fungsinya yang banyak dan  
lebih besar di bidang pen-  
tadbiran. Memang kena  
pada tempatnya dan tepat  
bagi tenaga-tenaga di luar  
kerajaan secara sukarela  
menyumbangkan khidmat  
bakti di bidang ini. Di-  
harapkan mereka akan  
lebih dapat menyusun atur  
secara berkesan bagi  
memberi nafas kepada  
kemantapan perkem-  
bangan seni budaya yang  
berseesuaian dengan tata  
susila bangsa Brunei," kata  
beliau mengharapkan.

Kepada RUSELA  
NEGARA, Awang Haji  
Mohammad mengharap-  
kan agar ianya bukan  
sekadar dianggotai oleh  
satu kaum atau sekurang-  
kurangnya bukan  
mengatur program dengan  
tenaga atau untuk kepen-  
tingan satu kaum saja.  
Malahan harus diambil in-  
gatan yang kita ingin  
memupuk satu rupa  
bangsa Brunei yang man-  
tap, yang kukuh tanpa  
mengira asal keturunan.

"Pengertian istilah  
bangsa Brunei," jelas  
beliau lagi, "adalah  
berbeza dari istilah kaum  
dan kita hanya berupa satu  
bangsa Brunei yang terdiri  
dari berbagai atau  
beberapa kaum yang ter-  
dapat di Brunei".

"Dalam pada itu  
perlu pula diresapkan  
kecakupan yang seni

budaya Brunei semestinya  
berteraskan tatasusila  
ketimuran yang tidak  
bertentangan dengan  
Ugama Islam," tegas  
beliau.

Menurut Pegawai  
Daerah Brunei Muara itu  
juga, perkembangan seni  
budaya itu sendiri masih  
boleh mengambil kira seni  
budaya dari berbagai  
kaum tetapi disesuaikan  
semula dengan kehendak  
teras yang dihajatkan.

"Bahkan seni budaya  
dari luar boleh juga kita  
pelajari untuk perban-  
dingan bagi maksud mem-  
perkaya seni itu sendiri  
asalkan pemakaian di  
mana-mana yang perlu,  
diubahsuai bagi ber-  
tepatan dengan masyara-  
kat Brunei," ujar beliau.

Di majlis itu beliau juga  
berseru supaya dalam  
mengukayakan persem-  
bahan-persembahan  
untuk tontonan, eloklah  
diusahakan cara-cara  
membuat 'presentation'  
yang menarik dan tidak  
mudah membosankan. Di  
samping itu isi persem-  
bahan yang berseni itu  
hendaknya tidak meneng-  
gelamkan 'message' yang  
tertentu yang ingin  
diselitkan.


Beliau seterusnya  
mengharapkan nama in-  
dah 'RUMPUN SENI LA-  
KUN NEGARA (RUSELA  
NEGARA) akan menjadi  
tarikan dan rangsangan  
kepada seluruh ahli-  
ahlinya untuk bergigih  
mengolah takah dan calak  
bagi menyemarakkan  
kehadiran RUSELA  
NEGARA sebagai sebuah  
persatuan.

## Tarikh terakhir kirim kad Hari Raya

BANDAR SERI BEGA-  
WAN. — Orang ramai  
adalah diingatkan supaya  
mengirim kad Hari Raya  
lebih awal bagi mem-  
pastikan kad-kad itu sam-  
pai ke tempat yang di  
alamatkan sebelum Hari  
Raya.

Tarikh yang paling  
akhir bagi mempos kad-  
kad Hari Raya di Pejabat-  
pejabat Pos di seluruh  
negara ialah pada 4hb.  
Julai bagi kad dan  
bungkusan yang dikirim  
dalam negara dan 2hb.  
Julai, bagi kad dan  
bungkusan yang di kirim  
ke Singapura, Semen-  
anjung Malaysia, Sabah dan  
Sarawak.

Orang ramai adalah  
juga diingatkan supaya  
membubuh harga setem  
dengan betul. Setem untuk



Begini rupa bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan yang hampir siap.

## Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan siap Ogos ini

BANDAR SERI BEGA-  
WAN. — Pusat Kesenian  
dan Pertukangan Tangan  
yang lancar pembinaanya  
sejak awal tahun 1982 di-  
jangka siap akhir bulan  
Ogos tahun ini. Kerja-  
kerja hampir siap bagi  
bangunan utama dan kerja  
yang giat dilaksanakan  
kini ialah bagi menyiapkan  
beberapa bumbung yang  
lain.

Bangunan tersebut yang  
dianggarkan menelan  
belanja sebanyak \$25 juta  
akan dijadikan satu tanda  
sejarah atau land-mark  
pada mengeksetekahkan  
kesenian Brunei yang asli  
yang akan dapat disorong  
kehadapan sebagai satu

perkara yang dapat  
dibanggakan.

Pusat Kesenian dan Per-  
tukangan Tangan yang  
baru itu dibina di Jalan  
Residency di ibu negeri,  
berhadapan dengan  
Sungai Brunei di atas  
bekas tapak Pusat Kese-  
nian dan Pertukangan  
Tangan yang lama.

Difahamkan juga  
bahawa penubuhan Pusat  
Kesenian dan Pertukangan  
Tangan adalah bertujuan  
bagi menghidupkan terus  
pertukangan tempatan  
seperti pertukangan perak,  
tembaga, bertenun kain,  
anyaman dan membuat  
songkok, yang masih  
dikendalikan oleh orang-  
orang kitani. Keadaan  
sedemikian dan langkah  
seumpama ini merupakan  
gambaran yang baik bagi  
disedari oleh generasi-  
generasi muda akan pen-  
tingnya kesenian asli  
negara.

Dengan keadaan  
bangunan tersebut, lima  
bumbung bangunan  
dengan bangunan utama  
yang mengandungi lapan  
tingkat di tengah-tengah  
kompleks bangunan, dan  
lengkap dengan bilek-bilek  
latihan, pentadbiran,  
pemasaran, bengkel, bilek  
serba guna, bertenun kain,  
pertukangan tangan halus  
dan lain-lain, maka tidak  
disangkalkan yang pusat  
tersebut akan mencapai  
matlamatnya.

Juga selaras dengan  
matlamatnya untuk  
memperlihatkan per-  
tukangan dan kesenian  
orang-orang Brunei,  
bangunan baru itu  
dilengkapkan dengan  
hiasan ukiran-ukiran asli.

Atap bangunannya  
berbentuk asli perumahan  
Brunei, sementara di  
sekeliling bangunan akan  
terdapat kawasan lapang  
yang boleh digunakan bagi  
pertunjukan-pertunjukan  
kesenian negeri ini.

Selain dari kemudahan-  
kemudahan yang  
dinyatakan tadi, kompleks  
bangunan di atas kawasan  
seluas tiga ekar itu juga  
menyediakan Dewan  
Pameran dan Jualan serta  
stor bagi bahan-bahan  
yang telah siap.  
Pengenalan dan penjualan  
hasil-hasil perusahaan  
tangan dan pertukangan  
merupakan satu lagi  
perkara perlu dilakukan.

Penjualan hasil-hasil  
pertukangan yang dulunya  
dilakukan di Pusat Kese-  
nian dan Pertukangan  
Tangan di Jalan Residency  
kini di adakan di  
bangunan sementara,  
Rumah C 1 Kampung  
Serusop di Jalan Berakas.  
Antara hasil-hasil yang di-  
jual termasuklah barang-  
barang perak, tembaga,  
tenunan, anyaman dan  
songkok. Pusat tersebut  
dibuka pada tiap-tiap hari  
waktu bekerja antara jam  
8.30 pagi hingga 1.45  
petang.

Dalam bulan puasa ini  
pusat tersebut dibuka dari  
jam 8.00 pagi hingga 1.30  
petang. Apabila Pusat  
Kesenian dan Pertukangan  
Tangan yang baru itu siap  
nanti, ianya menempatkan  
semula Pusat Kesenian dan  
Pertukangan Tangan yang  
berpindah sementara di  
Jalan Berakas, dan Pusat  
Latihan Kesenian dan Per-  
tukangan Tangan di Per-  
pindahan Berakas.

## CERAMAH RAMADAN

## LAILATULQADAR

(Sambungan)

Ada ulama yang mengatakan bahawa huruf "lailatulqadar" berjumlah 9 huruf, lailatulqadar disebutkan tiga kali. Kalau demikian jadilah  $3 \times 9$  bersamaan 27. Maka lailatulqadar jatuh pada malam 27.

Imam Shafie cenderung kepada pendapat yang mengatakan bahawa lailatulqadar itu adalah pada malam 21 Ramadan, sesuai dengan sebuah hadis yang menyentuh tentang lailatulqadar yang menceritakan bahawa pada pagi hari setelah lailatulqadar, terlihat lumpur di dahi Rasulullah s.a.w., bekas/kesan bagi Baginda sujud di atasnya, kerana pada malam itu turun hujan yang membasahi lantai Masjid Rasulullah. Pagi itu adalah pagi hari 21 Ramadan.

Selain dari pendapat-pendapat di atas, ada lagi pendapat yang mengatakan lailatulqadar itu berlaku pada malam 23, ada pula pada malam 25 dan ada juga pada malam 29.

Menurut Al-Qurtubi, Al-Hasan Ibnu Ishaq dan Abdullah bin Az-Zubair bahawa lailatulqadar itu adalah pada malam 17 Ramadan, malam yang pada pagi harinya terjadi pertempuran Badar sesuai dengan ayat suci Al-Quran yang berbunyi ertinya: "Dan apa yang Kami turunkan kepada hamba Kami pada hari furqan, hari bertemunya dua pasukan." (Surah Al-Furqan 41)

Dari pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas tadi, jelaslah bahawa yang terkuat dari pendapat-pendapat tersebut adalah pendapat yang mengatakan bahawa, lailatulqadar itu berlaku pada malam-malam yang ganjil dari sepuluh terakhir bulan Ramadan tiap-tiap tahun. Ini sesuai dengan beberapa buah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Sayidatina 'Aishah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda ertinya: "Carilah dengan sedaya upaya malam Al-Qadar di malam-malam yang ganjil dari sepuluh yang akhir dari bulan Ramadan."

Dalam sebuah hadis riwayat Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim dari Ibnu Umar, Rasulullah s.a.w. bersabda ertinya: "Aku melihat mimpi kamu bersepakat menetapkan bahawa lailatulqadar pada yang akhir, maka sesiapa hendak mencari malam al-qadar, carilah pada malam 7 yang akhir."

Al-Hafiz Ibnu Hajar menetapkan bahawa pendapat yang paling kuat ialah pendapat yang menetapkan bahawa lailatulqadar berlaku di malam-malam yang ganjil dari puluhan yang ganjil dari puluhan yang akhir bulan Ramadan.

Dari beberapa hadis yang disebutkan, dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa lailatulqadar itu ada pada suatu malam dalam sepanjang tahun. Dia berulang-ulang berlaku hanya sekali sahaja saban tahun, dan dia terletak pada puluhan yang akhir dari bulan Ramadan, berpindah-pindah pada malam yang ganjil. Rasulullah s.a.w. menggemakan atau menggalakkan kita umatnya mencarinya dengan mengerjakan ibadat kerana ibadat pada malam itu mendapat pahala yang lebih baik dari seribu bulan tanpa lailatulqadar.

**Hikmah disembunyikan lailatulqadar itu.**

Apakah hikmah disembunyikan lailatulqadar itu? Para ulama menerangkan bahawa hikmah atau rahsia disembunyikan lailatulqadar iaitu tidak ditentukan malam berlakunya, ialah supaya kita berusaha mencarinya, melipat gandakan amal ibadat di semua malam, membanyakkan zikir dan doa semoga memperolehinya, sebagaimana yang dilakukan oleh salaf yang saleh. Dengan disembunyikan lailatulqadar itu, adalah diharapkan agar kita tetap tekun dan giat untuk beramal ibadat pada setiap masa untuk mendapatkan lailatulqadar. Sebab jika ditentukan masa yang tetap, maka pastilah kita akan malas berusaha dan tidak tekun beribadat dan kita akan menantikan tarikh/masa itu saja baru kita bergiat mengerjakan ibadat.

Para salaf berkata: Allah menyembunyikan beberapa urusan Umma kerana ada beberapa hikmah:

1. Allah menyembunyikan lailatulqadar dalam beberapa malam supaya kita menghidupkan semua malam itu.
2. Allah menyembunyikan saat ijabah di hari Jumaat supaya kita berdoa sepanjang hari.
3. Allah menyembunyikan sembahyang wusta dalam

sembahyang lima waktu, supaya kita memelihara kesemuanya.

4. Allah menyembunyikan "isim 'Azam" di antara nama-namanya supaya menyerunya dengan nama-nama itu.

5. Allah menyembunyikan mana taat yang mendapat penuh keredaan-Nya supaya kita mengerjakan semua taat dengan sepenuh hati.

6. Allah menyembunyikan mana maksiat yang sangat dimurkai supaya kita menghentikan semua maksiat itu.

7. Allah menyembunyikan siapa yang menjadi wali di antara para mukmin, supaya kita berbaik sangka terhadap sesama mukmin.

8. Allah menyembunyikan masa kedatangan kiamat, supaya kita selalu siap sedia.

9. Allah menyembunyikan ajal manusia, supaya kita selalu dalam persiapan.

Anas ibnu Malik berkata: "Masuklah bulan Ramadan, maka bersabda Rasulullah s.a.w. ertinya: "Sesungguhnya bulan ini telah hadir di hadapan kamu, di dalamnya ada suatu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Barangsiapa tidak diberikan kebajikan malam itu kepadanya, maka dihapuskan atasnya seluruh kebajikan. Dan tidak dihapuskan kebajikan, melainkan kepada orang yang tidak diberikan apa-apa." — Riwayat Ibnu Majah.

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Ubadah Ibnu Samit: ertinya: "Rasulullah mengkhabarkan kepada kami tentang lailatulqadar. Baginda bersabda: "Dia (lailatulqadar) di dalam bulan Ramadan, di puluhan yang akhir, malam 21, atau malam 23, atau malam 25, atau malam 27, atau malam 29, atau di akhir malam bulan Ramadan. Barangsiapa mengerjakan qiyam pada malam itu kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharap keredaan-Nya, nescaya diampunilah dosanya yang telah lalu dan dosa yang akan datang".

## MENGHIDUPKAN LAILATULQADAR

Apakah yang dikatakan bangun atau menghidupkan lailatulqadar itu?

Bangun atau menghidupkan malam al-qadar ialah mengerjakan taat bertahajjud, beristighfar, berzikir, membaca Al-Quran serta beriktikaf, menambahkan ihsan dan membanyakkan sedekah.

Demikianlah makna "berqiyam atau bangun" menghidupkan lailatulqadar di bulan Ramadan itu.

Amalan-amalan Rasul dan pesan-pesan Baginda merupakan penggerak kecerdasan para Muslimin untuk beribadat dan berlumba-lumba menyedekahkan harta di bulan Ramadan, istimewa di malam al-qadar.

Para hartawan Muslimin dahulu mempergunakan bulan Ramadan untuk berlumba-lumba memenuhi keperluan hajat orang-orang yang memerlukan bantuan, sebagai suatu usaha memenuhi seruan agama dan mencontohi amalan Rasulullah. Mereka menyembunyikan sedekah-sedekah mereka, hingga tidak diketahui tangan kiri apa yang diberi tangan kanan.

Sebahagian hartawan dahulu menanti-nanti lailatulqadar, malam Allah mengganda-lipatkan pahala-Nya. Mereka menyembunyikan dirinya, mencari keluarga-keluarga yang miskin di malam buta. Mereka memberikan segala apa yang dibawa kepada keluarga miskin, tanpa dikenalnya oleh yang menerima pemberian itu.

Hendaklah kita pada malam-malam yang diharapkan adanya malam al-qadar membanyakkan istighfar, tahlil, tahmid, takbir, tasbeeh, takbir, selawat dan membaca Al-Quran. Dan hendaklah kita berdoa dengan apa yang kita sukai, untuk diri kita, untuk keluarga kita, untuk ibu bapa kita, nenek kita, handai taulan dan kepada semua kaum Muslimin lelaki dan perempuan, baik yang masih hidup, mau pun yang sudah mendahului kita. Dan hendaklah kita membanyakkan sedekah, di samping kita menyuruh makruf (kebajikan) dan melarang mungkar (kejahatan) sesama manusia serta memberi contoh tauladan yang baik dalam hidup dan kehidupan.

## KEUTAMAAN BERDOA DI MALAM AL-QADAR

Sayidatina Aishah diperintahkan berdoa di malam al-qadar, Sufian

At-Tasauroi berkata: "Bahawa berdoa pada malam al-qadar, lebih saya sukai dari pada sembahyang". Dia seterusnya berkata, "Bahawa apabila seseorang membaca Al-Quran, berdoa serta meningkatkan doanya kepada Allah, mudah-mudahan dia memperoleh waktu mustajab".

Apa yang dikehendaki oleh Sufian dengan "lebih baik berdoa daripada sembahyang" ialah sembahyang yang banyak doa di dalamnya, lebih baik daripada sembahyang yang kurang doa di dalamnya. Dan jika seseorang bersembahyang dan berdoa, maka itu dipandang lebih baik.

Telah jelas bahawa sangat disukai kita membanyakkan doa di malam al-qadar. Diriwayatkan oleh At-Termizi dari sayidatina Aishah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. mengajarkan kepada Aishah doa yang diucapkan pada malam al-qadar iaitu: "Wahai Tuhanku sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Maha Pemaaf, Engkau menyukai kemaafan, maka maafkanlah akan daku."

Dalam Hasyiyah Al-Jalalain, As-Sawi berkata: "Doa yang paling baik didoakan pada malam itu, ialah memohonkan kemaafan dan keafiatan, sebagaimana yang telah diterima daripada Nabi s.a.w."

"Afuwwun" adalah satu nama dari nama-nama Allah.

Allah tidak menyiksa hamba-hamba-Nya kerana kejahatan dan Allah menghapuskan bekas-bekasannya. Dia menyukai kemaafan. Dia menyukai supaya para hamba bermaaafan sesama, supaya Allah memaafkan mereka. Allah lebih suka memaafkan diri menyiksa. ertinya: "Aku berlindung dengan keredaan Engkau, dari kebencian Engkau, dan dengan kemaafan Engkau dari seksaan Engkau."

Yahya bin Mu'az berkata: "Andaikata bukan maaf yang paling disukai Allah, tentulah tidak ditimpakan cubaan atas orang-orang mulia di sisi-Nya. Allah banyak melimpahkan cubaan kepada wali-wali-Nya untuk kelak dimaafkan-Nya".

Dalam sebuah hadis dari Ibnu Abbas, Nabi bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah melihat pada malam al-

qadar kepada orang-orang yang beriman. Mereka akan diampunkan dosanya. Nya, terkecuali orang-orang yang arak, pendurhian, ibu bapa yang selalu bermaksiat, tali silaturrahim.

Setengah mengatakan doanya "Ya Allah, lebih baik berdoa daripada sembahyang" ialah sembahyang yang banyak doa di dalamnya, lebih baik daripada sembahyang yang kurang doa di dalamnya. Dan jika seseorang bersembahyang dan berdoa, maka itu dipandang lebih baik.

Rasulullah menyuruh kemaafan pada malam al-qadar, mengajarkan kepada Aishah doa yang diucapkan pada malam al-qadar iaitu: "Wahai Tuhanku sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Maha Pemaaf, Engkau menyukai kemaafan, maka maafkanlah akan daku."

Di dalam Hasyiyah Al-Jalalain, As-Sawi berkata: "Doa yang paling baik didoakan pada malam itu, ialah memohonkan kemaafan dan keafiatan, sebagaimana yang telah diterima daripada Nabi s.a.w."

"Afuwwun" adalah satu nama dari nama-nama Allah. Allah tidak menyiksa hamba-hamba-Nya kerana kejahatan dan Allah menghapuskan bekas-bekasannya. Dia menyukai kemaafan. Dia menyukai supaya para hamba bermaaafan sesama, supaya Allah memaafkan mereka. Allah lebih suka memaafkan diri menyiksa. ertinya: "Aku berlindung dengan keredaan Engkau, dari kebencian Engkau, dan dengan kemaafan Engkau dari seksaan Engkau."

Yahya bin Mu'az berkata: "Andaikata bukan maaf yang paling disukai Allah, tentulah tidak ditimpakan cubaan atas orang-orang mulia di sisi-Nya. Allah banyak melimpahkan cubaan kepada wali-wali-Nya untuk kelak dimaafkan-Nya".

Dalam sebuah hadis dari Ibnu Abbas, Nabi bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah melihat pada malam al-

Lailatulqadar kepada orang-orang yang beriman. Mereka akan diampunkan dosanya. Nya, terkecuali orang-orang yang arak, pendurhian, ibu bapa yang selalu bermaksiat, tali silaturrahim.

## Al-Quran turunkan

Dari muka 5

Al-Quran di bulan itu sebanyak begitu juga halnya Hanifah dan Malik sendiri men- halkan ilmunya bulan Ramadan mata untuk perhatian Al-Quran. Rasulullah s.a.w. bersama malaikat s. di bulan ini adalah ber- bertadarus Al- Sebenarnya di kita berpuasa di hari dan kita upatan membaca ran di malam. Maka perbuatan an dapat men- syafaat di hari nanti ini jelas mana hadis yang rkan oleh Ahmad ibn Umar r.a. kira maksudnya: wa Nabi s.a.w. besubda puasa dan Al-Quran di Ramadan itu memberikan a pembuatnya atau ngamalkan di hari kiamat



**BERSEMPENA** dengan bulan Ramadan yang penuh berkat ini umat Islam bukan saja berpuasa menyempurnakan rukun Islam ketiga pada siang harinya, tetapi menambah lagi dengan berbagai amal kebajikan yang dituntut oleh Islam di sebelah malamnya yang mana kita akan mendengar suara-suara syahdu Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran berkumandang dari masjid-masjid dan surau-surau serta rumah-rumah perseorangan. Di samping itu suara-suara khusyuk memuji kebesaran Ilahi juga akan kedengaran dari umat Islam yang menunaikan semayang sunat tarawikh dan witr berjemaah yang mana suasana tersebut benar-benar menghidupkan lagi bulan yang mulia ini. Gambar atas rakaman majlis bertadarus di Surau Istana Darul Hana baru-baru ini. Majlis bertadarus juga di adakan di Rumah Hijau Baiduri dan Istana Darul Aman di Muara.

Dari muka 12.

yang amat utama untuk disampaikan kepada umat manusia yang mulia pula.

Allah telah mengagungkan Al-Quran dengan menghubungkan turunnya pada malam qadar itu dengan firman-Nya: Ertinya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan pada malam al-qadar, tanpa menyebutkan terlebih dahulu namanya (Al-Quran) dengan jelas sebagai pernyataan kehadiran di dalam hati, hal itu kerana kemuliaan kedudukannya."

Dengan demikian jelaslah, bahawa

keagungan lailatulqadar itu bukan kerana zatnya, tetapi dengan sebab turun Al-Quran di dalamnya. Dan ini cukuplah menjadi dalil tentang keagungan Al-Quran, sehingga kerananya lailatulqadar itu dimuliakan. Berhubung dengan keagungan Al-Quran, Allah berfirman: Ertinya: "Kalau sekiranya Kami menurunkan Al-Quran ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah-belah disebabkan takut kepada Allah. Dan perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir". (Al-Hasyr 21)

Firman Allah lagi: Ertinya: "Katakanlah; Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa Al-Quran ini, nescaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengannya (Al-Quran), sekali pun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain." (Surah Al-Isra 88)

Tentangan dan cabaran ini berlaku sampai zaman kita ini, bahkan sampai hari kiamat, dan tidak pernah akan sanggup para penentang dan pencabarnya membuat, sekalipun hanya surah yang paling pendek. Ketidak mam-

## LAILATUL QADAR

puan ini akan tetap bertekuk lutut di depan keagungan Al-Quran sampai hari kiamat. Ini adalah sebagai dalil yang paling kuat, yang menunjukkan bahawa Al-Quran dari Allah, sesungguhnya ia hujjah Allah untuk membenarkan Nabi-Nya Muhammad dalam menyampaikan dakwah Risalah-Nya.

Yang dimaksudkan dengan turun Al-Quran pada lailatulqadar ini iaitu permulaan turunnya. Menurut bukti yang kuat, bahawa Al-Quran tidak turun sekali gus, tetapi ia turun berturut-turut, secara beransur-ansur dalam masa kurang lebih dua puluh tiga tahun, iaitu usia kebangkitan Muhammad sebagai Penyampai Amanah Allah.

Kedua: Keistimewaan dan kemuliaan lailatulqadar ini juga adalah kerana turunnya para Malaikat dalam satu angkatan besar yang penuh gilang-gemilang, disertai Jibril untuk memberikan "Tahiyah" (penghormatan) kepada orang-orang berpuasa dan untuk menyaksikan amal ibadah mereka, serta untuk menyebarkan salam, damai dan sejahtera serta rahmat kepada penduduk bumi.

Berfirman Allah Ta'ala: Ertinya: "Pada

malam itu turun para Malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan-Nya untuk mengatur segala urusan". Yang dimaksudkan dengan ruh dalam ayat ini, ialah Jibril, Pemimpin para Malaikat, dan Pembawa Wahyu yang dipercayai.

Yang dimaksudkan dengan "untuk mengatur segala urusan" ialah menguruskan segala urusan alam, yang terjadi dalam satu tahun, iaitu menampakkan yang demikian kepada para Malaikat dan menyingkapnya untuk mereka catat dalam daftar yang mereka pegang dan melaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Rengkasnya, segala urusan yang dilengkapi nikmat, sesuai dengan kebenaran dan dikehendaki oleh iradah ilahiyah untuk berlakunya di alam wujud, Allah menampakkannya kepada Malaikat pada malam qadar dan menugaskan kepada para malaikat itu melaksanakannya. Inilah kemuliaan dan kebesaran yang Allah khususnya bagi lailatulqadar.

Ada yang menyatakan, bahawa bilangan Malaikat yang berada di bumi pada malam qadar itu lebih banyak dari pasir dan Allah menerima taubat semua orang yang bertaubat pada malam itu.

Pada malam itu dibuka segala pintu langit, sejak dari terbenam matahari sehingga terbitnya. Jibril turun bersama serombongan Malaikat. Lalu mereka menghunjamkan panji-panjinya di tempat tempat:

Pertama: Di sisi Kaabah, Kedua: Di sisi Makam Rasulullah, Ketiga: Di sisi Masjid Baitil Maqdis, Keempat: Di sisi Masjid Tursina.

Kemudian mereka bertebaran keseluruh pelusuk bumi, memasuki rumah-rumah orang-orang mukmin sambil bertasbih, bertahlil, bertaqdis dan memohon ampunan bagi umat Muhammad.

Firman Allah: Ertinya: "Malam itu (penuh) kesejahteraan sampai terbit fajar."

Yang dimaksudkan dengan ayat ini: iaitu bahawa lailatulqadar itu ialah Malam Salam, Malam Kesejahteraan, kerana pada malam itu para Malaikat mengucapkan salam kepada orang-orang mukmin penduduk bumi sebagai ucapan selamat kepada mereka, atau Allah yang memberi salam kepada mereka.

Ada pun salam dari Allah bererti rahmat, sementara salam dari Malaikat bererti minta ampunan.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29hb Jun, 1983 hingga Selasa 5hb Julai, 1983 adalah seperti di bawah ini:

Matahari

|         | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Terbit |
|---------|-------|------|---------|-------|-------|-------|--------|
| 29 Jun  | 12.29 | 3.49 | 6.40    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.10   |
| 30 Jun  | 12.29 | 3.49 | 6.40    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.10   |
| 1 Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.11   |
| 2 Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.11   |
| 3 Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.11   |
| 4 Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.11   |
| 5 Julai | 12.29 | 3.51 | 6.41    | 7.52  | 4.38  | 4.53  | 6.11   |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong ditambah tiga minit pada tiap-tiap Jumaat di seluruh Negeri Brunei di dalam waktu ini.

Di Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei

paling rendah  
tawaran.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 237 TAHUN 1983

Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 30 UNIT 3 BLOK RU-PAKANGSA KELAS 'E' DI TAPAK PERUKERAN SEKOLAH MENENGAH, BANGAR, TEMBURONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 14hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 4hb Julai, 1983.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

### BIL. 238 TAHUN 1983

Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT BANGUNAN LUAR DAN DALAM BARIK BERKOD 383, DAN 384 DI TAHANAN JERUDONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 14hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 4hb Julai, 1983.

Cagaran tawaran: \$100.00.

### BIL. 239 TAHUN 1983

Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI DAN MENCAT BANGUNAN LUAR DAN DALAM DI BANGUNAN TAHANAN JERUDONG, JALAN TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis, 14hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 4hb Julai, 1983.

Cagaran tawaran: \$200.00.

### BIL. 240 TAHUN 1983

